



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

MANUAL FaTur (FASIH TUTUR)

BAHASA MELAYU
SEKOLAH MENENGAH

SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN
NEGERI PERAK

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



PRAKATA

PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak sentiasa prihatin dan komited terhadap penyediaan bahan sokongan dalam memastikan semua murid menerima pendidikan yang berkualiti dan bermakna. Pelbagai inisiatif dan program telah direncanakan dalam merealisasikan aspirasi tersebut dan menjadi prioriti dalam gerak kerja Jabatan Pendidikan Negeri Perak.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Sejajar dengan format KSSM mulai tahun 2021, Manual FaTur (Fasih Tutor) Bahasa Melayu Sekolah Menengah ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran sebagai bahan sokongan untuk membantu guru dalam usaha meningkatkan kemahiran bertutur murid dengan berkesan.

Manual FaTur ini mencakupi tiga aspek iaitu tips untuk fasih tutur, pengoperasian ujian bertutur dan koleksi soalan dan jawapan yang diharapkan menjadi rujukan dan panduan kepada guru-guru dan murid-murid dalam membuat persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia - Bahasa Melayu Kertas 3 yang menyumbang 70 markah.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Manual FaTur ini.

"Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera."

YBRS Encik Mohamad Fauzi bin Mahson, AMP.





PRAKATA

TIMBALAN PENGARAH SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan belas ihsan, limpah kurnia serta izin-Nya, Manual FaTur (Fasih Tutor) Bahasa Melayu Sekolah Menengah dapat dihasilkan dengan jayanya. Manual ini dihasilkan selaras dengan format pentaksiran dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) yang baharu mulai tahun 2021.



Penghasilan manual ini merupakan usaha murni yang memerlukan kolaboratif akrab antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah khususnya Sektor Pembelajaran dengan guru-guru berkemahiran dan berpengalaman negeri Perak. Usaha ini adalah terjemahan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dan kandungan kurikulum Bahasa Melayu yang digubal untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi serta memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pegawai Sektor Pembelajaran serta ahli panel warga pendidik yang bergabung tenaga dan idea sehingga terhasilnya manual ini. Sesungguhnya, besar harapan kita semua agar Manual Fatur Bahasa Melayu ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dengan sebaik-baiknya. Semoga bahan yang dihasilkan ini pada akhirnya nanti dapat melahirkan murid yang berketerampilan berbahasa dan memberi impak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya bagi Bahasa Melayu Kertas 3.


Marilah kita memohon hidayah daripada Allah SWT, semoga segala usaha murni yang dilakukan ini akan menghasilkan kejayaan dan kecemerlangan melalui restu dan inayah-Nya.

Sekian, terima kasih.

YBRS Encik Mohd Safuan bin Hj. Raba'ai



Panel Pemikir & Pengkarya



PENASIHAT & EDITOR



NURMAZURA BINTI MOHD YUNUS
PEN. PENGARAH
SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN PERAK



HAJAH FADHILAH BINTI HAWARI
KETUA PEN. PENGARAH KANAN
SEKTOR PEMBELAJARAN, JPN PERAK



MISAH BINTI SULAIMAN
SISC+
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KINTA UTARA

KANDUNGAN

01

PRAKATA PENGARAH

i

02

PRAKATA TIMBALAN PENGARAH

ii

03

PANEL PEMIKIR & PENGKARYA

iii

04

PENASIHAT DAN EDITOR

iv

05

Bahagian A: Persediaan FaTur

Kata Arahan & Fokus Soalan

01-02

Alat menaakul bacaan:

Borang Chatt

03-04

Alat berfikir mengembangkan huraian :

Templat MKBM (ToHuCoKeP)

05-07

Fokus Pihak Terlibat

08

Interaksi dan Komunikasi

09

06

Bahagian B : Pengoperasian
Ujian Bertutur

Format Kertas 3

10-12

Tema dalam DSKP

13

Tip Ujian Bertutur

14

Borang Markah Induk dan Rubrik
Penskoran

15 - 20

07

Bahagian C : Koleksi soalan
dan jawapan

Contoh Soalan & Jawapan

21 - 57

Koleksi Soalan

58 - 66

Kesalahan Umum Calon

67 - 68



1.1 Kata Arahkan Soalan



BINCANGKAN

Contoh: Atlet perlu berdisiplin menjalani latihan untuk berjaya.

1. Menilai kelebihan dan kelemahan
2. Membuat perbandingan
3. Ada fakta dan bukti



HURAIKAN

Contoh: Huraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk melahirkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat

1. Menggambarkan
2. Menceritakan

ULASKAN

Contoh: Mata pelajaran Sejarah amat penting untuk memupuk semangat patriotik
Terangkan hubungan antara semangat patriotik dan sejarah.
Sejarah menjadikan kita kenal asal usul diri kita, belajar daripada kesilapan dan sebagainya.



1.2 Fokus Soalan



PUNCA



- ❖ SEBAB
- ❖ FAKTOR

KEKANGAN



- ❖ HALANGAN
- ❖ RINTANGAN
- ❖ CABARAN
- ❖ MASALAH

PERSEDIAAN



- ❖ PERSIAPAN

LANGKAH



- ❖ TINDAKAN
- ❖ KAEDAH
- ❖ INISIATIF
- ❖ CARA
- ❖ USAHA
- ❖ STRATEGI

CIRI



- ❖ KRITERIA
- ❖ SIFAT

SUMBANGAN



- ❖ JASA
- ❖ BAKTI

KESAN



- ❖ IMPLIKASI
- ❖ AKIBAT
- ❖ NATIJAH
- ❖ IMPAK

MANFAAT



- ❖ KELEBIHAN
- ❖ KEPENTINGAN
- ❖ KESAN POSITIF
- ❖ KEBAIKAN
- ❖ KEUNTUNGAN
- ❖ KEISTIMEWAAN
- ❖ FAEDAH

PERANAN



- ❖ TUGAS
- ❖ TANGGUNGJAWAB
- ❖ FUNGSI

2.1 Borang Teknik Bacaan CHATT



Borang CHATT

Nama:

Tarikh

Topik:

KATA KUNCI / ISTILAH

.....

IMEJ (DEFINISI)

DEFINISI KATA KUNCI

.....
.....
.....
.....
.....

IDEA UTAMA

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....


IDEA SAMPINGAN

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

RUMUSAN GURU

.....
.....
.....

2.2 Prosedur Menggunakan Borang Bacaan CHATT



Persediaan FaTur 2.0 Alat Menaakul Bahan Bacaan

A

2.3 Contoh Pengisian Borang Teknik Bacaan CHATT



Nama : Roazzila Binti Yeob Ramli Hari : Selasa
Tema : Kerjaya Tarikh : 23 Mac 2023

Kata Kunci Istilah

Karnival kerjaya
dianjurkan bertujuan
memberi peluang
kepada anak muda untuk
mendapatkan maklumat
pekerjaan.

Imej Definisi



Definisi Kata Kunci

Karnival Kerjaya:
Memberi peluang
kepada anak muda
untuk mendapatkan
maklumat pekerjaan

Idea Utama

Taksiran : Individu
Tema : Kerjaya

Karnival kerjaya dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Program yang berjalan pada 2 Mac 2023 menyediakan lebih 3000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang. Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan. Antaranya, termasuklah acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital dan kaunter kesihatan. Di samping itu, para pengunjung boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih. Sesungguhnya, karnival kerjaya ini sangat memberikan manfaat kepada para pengunjung. Para belia yang ingin berjaya dalam permohonan kerja mestilah berusaha menimba ilmu dengan menghadiri karnival kerjaya ini.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada buku teks tingkatan 4 ms 37)

Idea Sampingan

Taksiran : Individu
Tema : Kerjaya

Karnival kerjaya dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Program yang berjalan pada 2 Mac 2023 menyediakan lebih 3000 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang. Pelbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan. Antaranya, termasuklah * acara senamrobik, program bual bicara bersama panel jemputan dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran. Selain itu, karnival ini turut * menyediakan ruang niaga untuk 30 buah gerai makanan, pakaian, barangan digital dan kaunter kesihatan. Di samping itu, para pengunjung boleh menonjolkan bakat kreatif dalam pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen terpilih. Sesungguhnya, karnival kerjaya ini * sangat memberikan manfaat kepada para pengunjung. Para belia yang ingin berjaya dalam permohonan kerja mestilah berusaha menimba ilmu dengan menghadiri karnival kerjaya ini.

(Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada buku teks tingkatan 4 ms 37)

Rumusan Guru

Setiap murid perlu mengetahui tarikh dan lokasi Karnival Kerjaya yang diadakan untuk mendapatkan maklumat terkini tentang kerjaya yang ingin diceburi.

3.1 Templat TOHUCOKEP (MKBM)



Ayat 1
(TO)

Ayat **T**opik (gabungkan soalan dan isi pertama)

To

Ayat 2
(HU)

Ayat **H**uraian (mengapa/sebab)

Hu

Ayat 3
(CO)

Ayat **C**ontoh

Co

Ayat 4
(KE)

Ayat **K**esan

Ke

Ayat 5
(P)

Ayat **P**enegas

P

Sumber : Manual Kecemerlangan Bahasa Melayu (MKBM),
Kementerian Pendidikan Malaysia

3.1 Templat TOHUCOKEP (MKBM)



Tip: Gunakan penanda wacana yang diberikan untuk mewujudkan kesinambungan antara ayat.

Ayat 1
(TO)

Pada pendapat saya, [Ayat **Topik**] (gabungkan soalan dan isi pertama)

To

Ayat 2
(HU)

Hal ini dikatakan demikian kerana [Ayat **Huraian**] (mengapa/sebab)

Hu

Ayat 3
(CO)

Sebagai contoh, [Ayat **Contoh**]

Co

Ayat 4
(KE)

Impaknya, [Ayat **Kesan**]

Ke

Ayat 5
(P)

Jelaslah bahawa [Ayat **Penegas**]


P

Pihak Terlibat



DIRI

Saya, pelajar, murid, individu (jawatan).



KELUARGA

Ibu bapa, adik-beradik, abang, kakak, datuk, nenek atau saudara mara.



MASYARAKAT

Komuniti setempat, rukun tetangga, jiran tetangga, masyarakat majmuk (Melayu, Cina, India, Kadazan, Melanau dan lain-lain).




SEKOLAH

Pengetua, pentadbir, kaunselor, guru mata pelajaran, guru disiplin dan lain-lain.



NEGARA/KERAJAAN/NGO

Negara : Malaysia, Korea, India dan lain-lain
Kerajaan : PDRM, KPM, KKM dan lain-lain
NGO : MERCY, WWF, WHO dan lain-lain.



MEDIA MASSA

Media cetak : Surat khabar, poster

Media elektronik :

Televisyen (iklan, dokumentari, drama, filem dan lain-lain)

Media sosial : *Instagram, Facebook, WhatsApp, Telegram, Tiktok, Twitter* dan lain-lain.



Seni Berbincang



1

Memulakan perbincangan

- ❑ Assalamualaikum dan salam sejahtera. Mari kita mulakan sesi perbincangan pada hari ini iaitu...
- ❑ Assalamualaikum dan salam sejahtera. Tajuk perbincangan kita hari ini ialah...

2

Menamatkan idea calon sendiri

- ❑ Sekian sahaja pendapat saya, bagaimana pula pendapat saudara/i...
- ❑ Sekian sahaja pendapat saya, saya serahkan perbincangan kepada rakan saya yang seterusnya...

3

Menyatakan pendapat

- ❑ Pendapat saya pula berlainan dengan pendapat saudara/i iaitu...
- ❑ Saya bersetuju dengan pendapat saudara/i kerana ...

4

Menggalakkan rakan yang pasif

- ❑ Bagaimana pula dengan pendapat saudara/i?
- ❑ Adakah saudara/i menyokong pendapat yang saya kemukakan?
- ❑ Adakah saudara/i bersetuju dengan pendapat saya?

5

Menamatkan perbincangan kumpulan

- ❑ Baiklah, sekian sahaja perbincangan kumpulan kami. Terima kasih.

1.0 Format Kertas 3 (1103/3) 70 markah



1

Terbahagi kepada
dua bentuk soalan:

BAHAGIAN A:

Taksiran Individu

BAHAGIAN B:

Taksiran Kumpulan

2

Soalan berbentuk subjektif:

Respons Terhad

Respons Terbuka

3

Konstruk dan aspek yang
ditaksir ialah:

Kemahiran Membaca

- ❖ Memahami
- ❖ Mengaplikasi
- ❖ Menganalisis
- ❖ Menilai
- ❖ Mencipta

Pengetahuan Sistem Bahasa
Nilai

4

Tempoh
masa taksiran:

Taksiran Individu:

- ❖ 3 hingga 5 minit

Taksiran Kumpulan:

- ❖ 12 hingga 15 minit

Bahagian A : Taksiran Individu



- 40 markah
- kaedah penskoran: analitikal holistik

Satu petikan atau bahan rangsangan akan dikemukakan.

Petikan atau bahan rangsangan mencakupi standard kandungan dan standard pembelajaran yang terdapat dalam DSKP menengah atas.

Calon hendaklah membaca petikan atau bahan rangsangan yang dikemukakan.

Calon akan bersoal jawab dengan pentaksir

Calon hendaklah menyampaikan idea dan pendapat berdasarkan petikan atau bahan rangsangan.

Bahagian B : Taksiran Kumpulan



- ↪ • 30 markah
- ↪ • kaedah penskoran:
Analitikal holistik
- ↪ Setiap kumpulan terdiri daripada 3 hingga 5 orang.
- ↪ Ahli kumpulan dikehendaki berbincang tentang tajuk, tema, atau stimulus daripada 8 tema yang telah ditetapkan.
- ↪ Pentaksir boleh menjadi fasilitator sekiranya perbincangan terhenti atau ada calon tidak mengambil bahagian dalam perbincangan.
- ↪ Calon dinilai dari segi:
 - Tatabahasa dan kosa kata.
 - Sebutan, intonasi, dan nada.
 - Kefasihan dan kelancaran.
 - Idea dan bermakna.

2.0 TEMA BERDSARKAN DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN



1

Kesihatan dan
Kebersihan

2

Ekonomi, Keusahawanan
dan Pengurusan
Kewangan

Pelancongan

3

Pendidikan

4

5

Keselamatan

6

Jati Diri, Patriotisme dan
Kewarganegaraan

Perpaduan

7

Kesihatan dan
Kebersihan

8

9

Kesihatan dan
Kebersihan

10

Alam Sekitar dan
Teknologi Hijau

Pertanian, Penternakan
dan Perikanan

11

Sejarah dan
Warisan

12

13

Sukan dan Rekreasi

14

Perindustrian

Bahasa dan
Kesusasteraan

15

Kerjaya

16

17

Integriti

18

Pentadbiran dan
Politik

3.0 Tip Ujian Bertutur



BILIK MENUNGGU

1

- ❖ Calon diberi bahan rangsangan
- ❖ Baca secara mentalis (senyap) selama 3 minit
- ❖ Fahami petikan + grafik
- ❖ Kenal pasti kata kunci
- ❖ Bahan yang diberi ditinggalkan di bilik menunggu

BILIK UJIAN * Taksiran Individu

2

- ❖ Beri salam/ ucap selamat
- ❖ Calon akan diberi bahan rangsangan yang sama
- ❖ Pentaksiran secara individu selama 3 - 5 minit
- ❖ Baca petikan secara mekanis (kuat)
- ❖ Jawab 2 soalan pemindahan maklumat (jawapan berdasarkan bahan rangsangan)
- ❖ Jawab 2 soalan KBAT - beri cadangan berdasarkan idea sendiri

BILIK KUARANTIN

3

Calon diberi tajuk kumpulan untuk dibincangkan dalam masa 10 minit.
(4 minit)

- ❖ Baca dan fahami soalan
- ❖ Bincang dalam kumpulan untuk pembahagian isi mengikut turutan calon
- ❖ Setiap calon memberi sekurang-kurangnya satu idea

(6 minit)

- ❖ Berfikir dan merangka isi sendiri dengan teknik ToHuCoKeP

BILIK UJIAN *Taksiran Kumpulan

4

- ❖ Calon berbaris mengikut susunan calon
- ❖ Calon 1 ketuk pintu dan minta izin masuk
- ❖ Semua calon masuk, beri salam serentak sebelum duduk mengikut susunan calon
- ✓ **Pusingan pertama:**
(Perbincangan mengikut fokus soalan)
 - i) Calon 1 - Nyatakan tajuk (rujuk m/s 8) + isi 1
 - ii) Calon 2 - Isi 2
 - iii) Calon 3 - Isi 3
 - iv) Calon 4 - Isi 4
- ✓ **Pusingan Kedua:** Perbincangan berdasarkan fokus yang sama dengan pusingan 1 atau fokus lain berdasarkan tema
 - Calon bebas mencelah dan memberi idea (rujuk m/s 8)

4.0 Borang Markah Induk



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BORANG MARKAH INDUK UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU
SUJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN

NO PUSAT :
NAMA SEKOLAH :
SIDANG : 1 / 2 / 3
TARIKH/HIMASA :

BIL	NAMA CALON	L/P	ANGKA GILIRAN	NO KAD PENGENALAN	A. INDIVIDU (ANALITIK)						B. KUMPULAN (HOLISTIK)						JUMLAH BESAR MARKAH AKHIR [70 markah] (A-B)
					Tatabahasa dan Kosa kata [10 markah]	Sebutan, Intonasi dan Nada [10 markah]	Kelahiran dan Bermakna [10 markah]	Idea dan Bermakna [10 markah]	Jumlah Markah [40 markah]	Markah Penyelarasan	Tala-bahasa dan Kosa Kata [10 markah]	Sebutan, Intonasi dan Nada [10 markah]	Kelahiran dan Bermakna [10 markah]	Idea dan Bermakna [10 markah]	Jumlah Markah [30 markah]	Markah Penyelarasan	
1																	
2																	
3																	
4																	
5																	
6																	
7																	
8																	

4.1 Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Individu (Analitikal Holistik)



TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	ASPEK YANG DITAKSIR	PENERANGAN
CEMERLANG 9 – 10 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan sangat tepat , sangat jelas , intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati . Intonasi sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan . Nada seperti penutur jati.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan sangat petah, sangat fasih, sangat bertatasusila dan beradab.
	Idea dan Bermakna	Idea sangat relevan dan tepat dengan tugas, diuraikan dengan sangat jelas dan sangat matang mengikut konteks.
KEPUJIAN 7 – 8 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan betul, jelas dan tepat . Kebanyakan intonasi dan nada betul seperti penutur jati .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan petah, fasih, bertatasusila dan beradab.
	Idea dan Bermakna	Idea relevan dan tepat mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang mengikut konteks.
BAIK 5 – 6 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa masih gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Sebutan masih betul, masih jelas dan masih tepat . Kebanyakan intonasi dan nada masih betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan masih petah, masih fasih, masih bertatasusila dan beradab.
	Idea dan Bermakna	Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas .

Sambungan : Rubrik Penskoran Individu



TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	ASPEK YANG DITAKSIR	PENERANGAN
PENGUASAAN MINIMUM 3 – 4 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Bahasa kurang gramatis , penggunaan kosa kata kurang tepat , kurang betul dan kadang kala salah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Kebanyakan intonasi kurang betul , kurang jelas dan kurang tepat . Intonasi banyak salah.
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan kurang petah , kurang fasih , kurang bertatatusila dan kurang beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraian kurang jelas . Kadang kala bercampur aduk.
TIDAK MENCAPAI PENGUASAAN MINIMUM 1 – 2 markah	Tatabahasa dan Kosa Kata	Keseluruhan bahasa dan kosa kata lemah .
	Sebutan, Intonasi dan Nada	Keseluruhan sebutan, intonasi dan nada lemah serta tidak betul .
	Kefasihan dan Kelancaran	Keseluruhan pengucapan tidak fasih , tidak petah , tidak bertatatusila dan tidak beradab .
	Idea dan Bermakna	Idea tidak menepati bahan rangsangan .

4.2 Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Kumpulan (Analitikal Holistik)



TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
CEMERLANG (26 – 30 Markah)	- Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan. - Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat tepat dan sangat betul. - Sebutan sangat tepat, sangat jelas, intonasi dan nada sangat betul seperti penutur jati. - Keseluruhan pengucapan sangat petah dan sangat fasih.	- Amat aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. - Mempunyai keyakinan diri yang tinggi. - Melontarkan idea baharu yang matang. - Menggunakan kesantunan berbahasa secara bertatasusila semasa membuat celahan. - Penyampaian amat menarik dan menjadi teladan
SANGAT BAIK (21 – 25 Markah)	- Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap tekak dan terperinci. - Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul. - Sebutan tepat, jelas, intonasi dan nada betul. - Keseluruhan pengucapan petah dan fasih.	- Aktif dan memberikan respons dalam kumpulan. - Mempunyai keyakinan diri. - Melontarkan idea yang baharu. - Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. - Penyampaian menarik dan berkesan

Sambungan : Rubrik Penskoran Kumpulan



TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
BAIK (16 – 20 Markah)	- Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi yang sesuai dan ayat yang sesuai pada tahap kukuh. - Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul. - Sebutan masih tepat, masih jelas dan masih berintonasi. - Keseluruhan pengucapan masih petah dan masih fasih. Keseluruhan pengucapan masih mencapai maksud, masih tepat dan masih bertatasusila.	- Masih memberikan respons dalam kumpulan. - Masih mempunyai keyakinan diri. - Melontarkan idea yang baharu. - Menggunakan kesantunan berbahasa semasa membuat celahan. - Penyampaian masih menarik.
MEMUASKAN (11 – 15 Markah)	- Mengemukakan idea untuk menyelesaikan masalah serta menyampaikan pandangan yang rasional dalam pelbagai ruang perbincangan dengan yakin, betul dan jelas menggunakan ayat yang betul, intonasi pada tahap memuaskan. - Bahasa kurang gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata kurang tepat. - Kebanyakan sebutan kurang tepat, kurang jelas dan kurang berintonasi. - Kebanyakan pengucapan kurang petah dan kurang fasih. Keseluruhan pengucapan kurang mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.	- Kurang memberikan respons dalam kumpulan. - Kurang keyakinan diri. - Kurang melontarkan idea yang baharu. - Tiada memberikan celahan. - Penyampaian kurang menarik.

Sambungan : Rubrik Penskoran Kumpulan



TAHAP PENGUASAAN DAN SKOR	PENYATAAN	KRITERIA TAMBAHAN
TERHAD (6 – 10 Markah)	- Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap terhad. - Bahasa tidak gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata terhad. - Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan terhad. Keseluruhan pengucapan kurang mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.	- Pasif dan kurang memberikan respons dalam kumpulan. - Kurang keyakinan diri - Lontaran idea baharu terhad. - Tiada memberikan celahan. - Penyampaian terhad.
SANGAT TERHAD (1 – 5 Markah)	- Mengemukakan idea serta menyatakan pandangan dalam pelbagai ruang perbincangan dengan menggunakan ayat yang betul dan intonasi pada tahap sangat terhad. - Kemahiran berbahasa, penggunaan perkataan dan kosa kata sangat terhad. - Kebanyakan sebutan tidak tepat, tidak berintonasi dan sangat terhad. Keseluruhan pengucapan kurang mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.	- Amat pasif dan tidak memberikan respons dalam kumpulan. - Tiada keyakinan diri. - Lontaran idea baharu amat terhad. - Tiada memberikan celahan. - Penyampaian amat terhad.

Koleksi Soalan dan Jawapan

1.0 Taksiran Individu

C

1.1 Contoh Soalan dan Jawapan (Set 1)



SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

TEMA : KESELAMATAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mendedahkan bahawa lapan warga Malaysia termasuk tujuh dari Sarawak telah menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di wilayah Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Kesemua mangsa terbabit terpedaya dengan tawaran gaji lumayan AS\$1,000 atau kira-kira RM4,480 sebulan dan dipaksa bekerja untuk sindiket penipuan dalam talian di negara itu. Jenayah siber terbahagi kepada beberapa jenis jenayah seperti pemindahan wang secara haram, penggodaman dan pancingan data. Pemindahan wang secara haram berlaku apabila wang dipindahkan oleh orang yang tidak mempunyai kebenaran ke dalam akaun milik perseorangan mahupun individu lain. Penggodaman turut melibatkan pengalihan wang daripada sesebuah akaun atau penipuan pembelian dalam talian. Penjenayah siber pada masa sekarang juga semakin mengganas dengan menyasarkan golongan remaja serta warga tua yang kurang ilmu pengetahuan berkaitan kegiatan penjenayah terbabit.

(Sumber: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/12/jenayah-siber-semakin-berleluasa/>)

sambungan Set 1



SOALAN

1. Apakah jenis-jenis jenayah siber?
2. Siapakah sasaran penjenayah siber pada masa sekarang?
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber?
4. Sekiranya anda menjadi mangsa jenayah siber, jelaskan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan.

Sambungan Set 1



CADANGAN JAWAPAN

1. Jenayah siber terbahagi kepada beberapa jenis jenayah seperti pemindahan wang secara haram, penggodaman dan pancingan data.
2. Penjenayah siber pada masa sekarang juga semakin mengganas dengan menyasarkan golongan remaja serta warga tua yang kurang ilmu pengetahuan berkaitan kegiatan penjenayah terbabit. (Guna teknik ToHu atau ToCo)

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 3



Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 1 : Pada pendapat saya, cara pertama untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber ialah kita tidak berkongsi maklumat peribadi di media sosial.	Kita tidak berkongsi maklumat peribadi di media sosial.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana perkongsian maklumat peribadi di media sosial akan membuka peluang kepada penjenayah siber untuk memanipulasikan maklumat tersebut.	Hal ini demikian kerana takut maklumat peribadi dicuri.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, kita tidak berkongsi perihal keluarga, pekerjaan, tempat kediaman dan status sosial kita.	Contohnya, kita tidak memberitahu orang lain tentang diri kita.

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 2 : Selain itu, kita perlu mengenal pasti kesahihan sesuatu maklumat yang diperolehi.	Kita perlu kenal pasti maklumat sama ada benar atau tidak.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana dapat mengelakkan kita daripada ditipu oleh penjenayah siber apabila maklumat yang diperolehi tidak pasti kesahihannya.	Hal ini demikian kerana cara ini dapat mengelakkan kita daripada ditipu.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, jika kita mendapat sesuatu maklumat yang meragukan, kita perlulah merujuk kepada pihak berkuasa.	Sebagai contoh kita perlu menelefon atau bertanya kepada pihak berkuasa.

Koleksi Soalan dan Jawapan

1.0 Taksiran Individu

C

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 4



Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 1: Tindakan-tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya menjadi mangsa jenayah siber ialah melaporkan kepada pihak berkuasa.	Saya akan melaporkan kepada pihak berkuasa.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana laporan yang dibuat akan mengelakkan kita daripada mengalami masalah yang berkaitan dengan jenayah siber hingga menyukarkan aktiviti harian kita.	Hal ini untuk mengelakkan kita daripada terjerumus dalam masalah yang lebih besar.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, saya akan ke balai polis untuk membuat laporan tentang penipuan itu supaya orang lain tidak menjadi mangsa yang seterusnya.	Contohnya, saya akan membuat laporan di balai polis.

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 2 : Selain itu, saya akan memberitahu ahli keluarga dan kenalan saya tentang penipuan itu.	Saya akan memberitahu kawan-kawan saya tentang jenayah ini supaya mereka tidak ditipu.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang kita berikan akan mengelakkan ahli keluarga dan kenalan saya daripada menjadi mangsa.	Hal ini adalah untuk mengelakkan rakan saya turut ditipu.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, saya akan memaklumkan bahawa akaun laman sosial saya telah digodam dan mesej yang dihantar bukannya daripada saya.	Contohnya, saya akan maklumkan bahawa media sosial saya telah digodam.

1.2 Contoh Soalan dan Jawapan (Set 2)



SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

TEMA : PENDIDIKAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MURID BERKEPERLUAN KHAS



Murid Berkeperluan Khas (MBK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu. Antara ketidakupayaan tersebut termasuklah dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal dan masalah pembelajaran. Contoh masalah pembelajaran ialah autisme, sindrom kurang daya tumpuan dan disleksia. Oleh sebab itu, MBK perlu mengikuti pendidikan khas agar tidak ketinggalan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Individu autisme adalah antara yang tergolong sebagai MBK. Mereka boleh mengikuti pendidikan melalui sekolah pendidikan khas, program

Sambungan Set 2



pendidikan khas integrasi atau program pendidikan inklusif. Semasa berumur dua hingga enam tahun, individu autisme perlu mengikuti program intervensi awal untuk dilatih berkomunikasi, berinteraksi dan mengurus diri. Kemahiran ini penting untuk mereka mengikuti alam persekolahan. Individu autisme mempunyai kekurangan tertentu tetapi mereka mungkin mempunyai bakat dalam bidang lain. Antaranya termasuklah melukis, mengingat fakta dan mencipta irama. Terdapat juga murid autisme yang setelah diberi sokongan dapat belajar ke peringkat pengajian tinggi.

Sumber : Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM)

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan murid berkeperluan khas (MBK)?
2. Senaraikan bakat yang ada pada individu autisme.
3. Pada pendapat anda, jelaskan permasalahan yang sering berlaku kepada murid berkeperluan khas ini dalam menjalankan aktiviti pembelajaran di sekolah.
4. Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan kebajikan murid berkeperluan khas ini terpelihara. Ulaskan.

Sambungan Set 2



CADANGAN JAWAPAN

1. Murid berkeperluan khas (MBK) bermaksud murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu.
2. Bakat yang ada pada individu autisme adalah melukis, mengingat fakta, dan mencipta irama.

Koleksi Soalan dan Jawapan

1.0 Taksiran Individu

C

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 3



Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 1 : Pada pendapat saya, permasalahan yang sering berlaku kepada murid berkeperluan khas ini dalam menjalankan aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah ialah kemudahan fizikal yang tidak lengkap dan tidak kondusif.	Pada pendapat saya, permasalahan tersebut ialah kemudahan di dalam kelas yang tidak cukup dan tidak berada dalam keadaan yang baik.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana kemudahan fizikal ini merupakan keperluan asas yang seharusnya sempurna bagi mewujudkan satu proses pembelajaran yang berkesan.	Hal ini demikian kerana kemudahan fizikal ini sangat penting kepada murid berkeperluan khas.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, murid yang terlalu ramai dalam satu kelas yang sempit menyebabkan sesuatu objektif pembelajaran itu tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya.	Contohnya, murid yang ramai dalam satu kelas yang sempit menyebabkan murid berasa tidak selesa.

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 2 : Selain itu, permasalahan lain termasuklah dalam aspek pentaksiran dan penilaian yang dilaksanakan dengan tidak mengukur tahap keupayaan murid yang sepatutnya.	Selain itu, permasalahan lain ialah murid dinilai dengan soalan yang tidak sesuai dengan tahap mereka.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini menyebabkan murid tidak mampu untuk menjawab soalan yang diberikan sekali gus membunuh minat mereka untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah.	Hal ini menyebabkan murid tidak mampu menjawab soalan dengan baik.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, murid berkeperluan khas diberikan soalan pentaksiran yang sama dengan murid arus perdana yang lain.	Contohnya, murid berkeperluan khas diberikan soalan pentaksiran yang sama dengan murid normal.

Koleksi Soalan dan Jawapan

1.0 Taksiran Individu

C

Contoh Penggunaan ToHu atau ToCo untuk Soalan 4



Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Isi 1 : Perkara paling mustahak dalam memastikan kebajikan murid berkeperluan khas ini terpelihara ialah warga sekolah seharusnya melayan murid berkeperluan khas ini dengan sama rata tanpa sikap pilih kasih kerana setiap individu itu mempunyai sumbangan tersendiri kepada sesuatu institusi.	Perkara paling penting ialah murid berkeperluan khas perlu dilayan dengan adil dan saksama.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana walaupun murid berkeperluan khas ini ada ketidakupayaan tertentu, namun mereka juga mempunyai hati dan perasaan untuk dihargai.	Hal ini demikian kerana mereka juga mahu dikasihi dan disayangi oleh orang lain.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, majlis penghargaan boleh diadakan untuk menghargai murid berkeperluan khas yang mampu mencapai sesuatu kejayaan mengikut tahap pemikiran dan keupayaan mereka.	Contohnya, majlis penghargaan boleh diadakan bagi menghargai kejayaan mereka.
Ayat Topik (To)	Isi 2 : Selain itu, pihak sekolah harus menyediakan bahan-bahan pembelajaran yang berkualiti dan menarik bagi menarik minat dan fokus murid berkeperluan khas ini agar mereka memperoleh manfaatnya secara optimum.	Akhir sekali, pihak sekolah boleh menyediakan bahan-bahan yang menarik untuk mereka.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana bahan-bahan yang berkualiti mampu menarik minat dan fokus murid berkeperluan khas ini di dalam bilik darjah.	Hal ini demikian kerana bahan-bahan ini menyebabkan murid berasa seronok dan tidak bosan.
ATAU		
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, bahan bantu mengajar (BBM) seperti kad imbasan, gambar berwarna, video, poster dan lain-lain mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.	Contohnya, guru menggunakan bahan yang berbeza setiap hari di dalam kelas.

2.1 Contoh Soalan dan Jawapan (Set 1)



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 Markah]

TEMA : INTEGRITI

Pelbagai usaha dapat dilakukan bagi memastikan integriti menjadi pegangan utama dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.

Bincangkan.

Contoh Jawapan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON PERTAMA

Idea 1 : Mengamalkan didikan agama dalam kehidupan seharian

Teknik	Cemerlang	Lemah
Pengenalan tajuk perbincangan	Tajuk perbincangan kami ialah usaha-usaha yang dapat dilakukan bagi memastikan integriti menjadi pegangan utama dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.	Tajuk perbincangan kami ialah usaha-usaha yang dapat dilakukan bagi memastikan integriti menjadi pegangan utama dan diamalkan oleh rakyat Malaysia.
Ayat Topik (To)	Antara usaha yang dapat dilakukan untuk memupuk amalan integriti ialah kita mestilah mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian.	Usaha memupuk amalan integriti ialah kita mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana setiap agama mendidik kita supaya menjaga perilaku, berbuat baik dan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan jujur.	Hal ini demikian kerana agama sangat penting dalam kehidupan kita.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, individu yang mempunyai agama yang kukuh nescaya dapat membezakan antara intan dengan permata seperti menolak perbuatan rasuah.	Sebagai contoh, kita tidak melakukan amalan rasuah.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini menyebabkan individu yang mempunyai pegangan agama akan dipandang tinggi oleh masyarakat.	Kesannya, kita akan dipandang tinggi oleh masyarakat.
Ayat Penegasan (P)	Sesungguhnya, didikan agama yang kukuh merupakan perisai untuk menjamin integriti seseorang.	Tegasnya, didikan agama merupakan usaha untuk memupuk nilai integriti dalam diri rakyat.

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEDUA

Idea 2 : Ibu bapa menerapkan nilai murni dalam diri anak-anak

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Seterusnya, ibu bapa perlu menyemai nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak untuk memupuk amalan integriti.	Usaha kedua ialah ibu bapa memupuk nilai-nilai murni dalam diri anak-anak.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana, didikan keluarga menjadi asas utama untuk menyemai nilai-nilai murni dan sifat amanah sejak kecil lagi persis peribahasa Melayu melentur buluh biarlah dari rebungunya.	Hal ini demikian kerana, nilai-nilai murni sangat penting dalam kehidupan kita.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, ibu bapa menekankan nilai kejujuran, ketelusan dan amanah dalam kehidupan seharian anak-anak.	Sebagai contoh, ibu bapa mengajar anak-anak supaya menjadi orang yang baik.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini menyebabkan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam jiwa anak-anak meninggalkan kesan yang mendalam kepada mereka dan mampu memikul tanggungjawab dengan baik pada masa hadapan.	Kesannya, individu yang mengamalkan nilai-nilai murni akan menjadi orang yang baik.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa integriti sangat penting dalam kehidupan individu dan organisasi untuk mencerminkan keutuhan dan keteguhan nilai murni yang dihayati.	Tegasnya, penerapan nilai-nilai murni sangat penting.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KETIGA

Idea 3 : Peranan media massa		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Seterusnya, media massa wajarlah menguar-uarkan kepentingan integriti kepada masyarakat.	Selain itu, media massa memainkan peranan yang penting untuk memberitahu kepentingan integriti kepada masyarakat.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana media massa mempunyai pengaruh yang besar untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya integriti dalam kehidupan.	Hal ini dikatakan demikian kerana media massa dapat menyedarkan masyarakat tentang kepentingan integriti.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, media massa menyiarkan drama atau filem yang mempunyai nilai integriti kepada masyarakat untuk dicontohi.	Sebagai contoh, media massa menayangkan drama atau filem yang mengandungi nilai integriti kepada masyarakat.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini secara tidak langsung, melalui tayangan drama atau filem tersebut akan dapat memberi teladan dan pengajaran kepada masyarakat agar mengamalkan nilai integriti dalam kehidupan.	Kesannya, kita tidak akan melakukan perkara yang dilarang dan salah.
Ayat Penegasan (P)	Sudah terang lagi bersuluh, media massa merupakan medium yang mampu menerapkan nilai integriti dalam diri masyarakat.	Tegasnya, media massa memainkan peranan dalam memupuk nilai integriti dalam diri rakyat Malaysia.

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEEMPAT

Idea 4 : Guru memberikan pendidikan integriti kepada murid

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Di samping itu, usaha memupuk amalan integriti di sekolah pula ialah guru berperanan mendidik murid tentang kepentingan nilai integriti.	Seterusnya, usaha memupuk nilai integriti ialah guru memberikan pendidikan integriti kepada murid.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan tentang kepentingan integriti di peringkat sekolah dapat membentuk anak didik yang kaya dengan nilai integriti.	Hal ini dikatakan demikian kerana pendidikan integriti dapat melahirkan murid yang baik.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, pendidikan integriti perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) subjek Bahasa Melayu dan Pendidikan Moral.	Sebagai contoh, guru Bahasa Melayu dan Pendidikan Moral menekankan pendidikan integriti dalam kelas.
Ayat Kesan (Ke)	Situasi ini mampu melahirkan masyarakat yang berintegriti dan mengetahui keburukan rasuah dan mempraktikkan nilai integriti dalam kehidupan.	Kesannya, kita akan menghindari diri daripada melakukan perkara yang dilarang.
Ayat Penegasan (P)	Oleh itu, pendidikan integriti yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam subjek tertentu merupakan inisiatif memupuk integriti dalam diri rakyat Malaysia.	Tegasnya, guru memberikan pendidikan integriti kepada murid supaya menjadi pegangan dalam diri rakyat Malaysia.

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

Peringatan untuk Pusingan Kedua:

- 1) Calon **bebas memberi pendapat tanpa mengikut giliran**.
- 2) Calon **bebas mencelah** secara bertatasusila.
- 3) Calon **bebas memberi sebarang idea/ pendapat yang berkaitan dengan tema**.
- 4) Perbincangan berdasarkan fokus yang sama dengan pusingan 1 atau fokus lain berdasarkan tema.
- 5) Contoh: Soalan bertanya tentang langkah-langkah mengatasi kemalangan jalan raya.
 - i) Untuk **pusingan pertama**, calon hanya boleh menyuarakan pendapat tentang **langkah-langkah mengatasi kemalangan jalan raya**.
 - ii) Untuk **pusingan kedua**, calon **bebas menyuarakan sebarang pendapat yang berkaitan dengan tema** sama ada **langkah-langkah, faktor-faktor atau kesan-kesan kemalangan jalan raya**.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan


C

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4



Idea 1 : Kelemahan diri individu

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Antara punca yang boleh menjejaskan integriti ialah kelemahan diri individu.	Antara punca yang boleh menjejaskan amalan integriti ialah kelemahan diri individu.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana iman/ pegangan agama yang lemah senipis kulit bawang menyebabkan seseorang itu mudah mengikut nafsunya tanpa berfikir panjang.	Hal ini demikian kerana iman/ pegangan agama yang lemah menyebabkan mereka tidak berfikir panjang untuk melakukan kejahatan.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, individu yang lemah imannya/ pegangan agamanya akan mencontohi perbuatan yang salah secara membuta tuli tanpa usul periksa seperti melakukan rasuah.	Sebagai contoh, individu yang lemah imannya/ pegangan agamanya akan melakukan amalan rasuah.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini menyebabkan kredibilitinya akan terjejas dan imej dirinya juga akan tercalar.	Kesannya, masyarakat luar tidak akan mempercayainya lagi.
Ayat Penegasan (P)	Sesungguhnya, kelemahan diri individu menjadi punca kepada terjejasnya amalan integriti.	Sesungguhnya, kelemahan diri individu menyebabkan rasuah berlaku.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan


C

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4



Idea 2 : Tekanan hidup

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Punca kedua yang menjejaskan amalan integriti ialah individu berhadapan dengan tekanan hidup.	Punca kedua ialah individu mengalami tekanan hidup.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana tekanan hidup yang dihadapi akan memungkinkan sesiapa sahaja melakukan sesuatu di luar batasan.	Hal ini demikian kerana tekanan hidup yang dihadapi memungkinkan mereka melakukan perkara yang tidak baik.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, untuk mendapatkan tender sesuatu projek pembangunan, pengusaha syarikat sanggup merasuah seseorang pegawai kerajaan untuk mendapatkan tender projek tersebut.	Sebagai contoh, individu melakukan rasuah untuk mendapatkan sesuatu projek.
Ayat Kesan (Ke)	Hal ini sebenarnya menjejaskan integriti seseorang yang tidak amanah dalam melakukan kerja.	Kesannya, mencemarkan imej seseorang.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa tekanan hidup boleh menjejaskan integriti seseorang individu.	Tegasnya, tekanan hidup merupakan punca berlakunya rasuah.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 3 : Merosakkan moral dan etika dalam kalangan masyarakat

Punca Manfaat	Peranan Ciri	Kesan Sumbangan	Langkah Kekangan	Persediaan Jenis
Teknik	Cemerlang		Lemah	
Ayat Topik (To)	Selain itu, sekiranya integriti tidak diamalkan akan merosakkan moral dan etika dalam kalangan masyarakat.		Selain itu, tanpa integriti boleh merosakkan moral dan etika dalam kalangan masyarakat.	
Ayat Huraian(Hu)	Apabila rasuah menjadi budaya yang diterima, masyarakat hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap institusi dan pihak berkuasa.		Masyarakat hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap pihak berkuasa.	
Ayat Contoh(Co)	Contohnya, apabila kes rasuah yang melibatkan pihak atasan yang mempunyai kepentingan diri, mereka akan terlepas daripada hukuman yang setimpal dan masih bebas untuk mengulangi perbuatan mereka jika tidak ditangkap oleh pihak berkuasa.		Contohnya, individu yang mengambil rasuah akan bebas jika mereka merupakan orang atasan.	
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, masyarakat berasa tidak diperlakukan secara adil dan hilang kepercayaan terhadap sistem perundangan negara ibarat peribahasa ibarat harapkan pegar, pegar makan padi.		Kesannya, masyarakat akan berasa hilang kepercayaan terhadap pihak berkuasa.	
Ayat Penegasan (P)	Tuntasnya, individu yang tidak berintegriti akan merosakkan moral dan etika dalam kalangan masyarakat.		Tegasnya, tanpa integriti akan merosakkan moral dan etika seseorang.	

Sambungan (Set 1)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 4 : Sistem pentadbiran negara terjejas

Punca Manfaat	Peranan Ciri	Kesan Sumbangan	Langkah Kekangan	Persediaan Jenis
------------------	-----------------	--------------------	---------------------	---------------------

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Akhir sekali, sistem pentadbiran negara akan terjejas sekiranya pihak berkuasa tidak mengamalkan nilai integriti.	Akhir sekali, pentadbiran negara akan terjejas.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana segala dasar atau penguatkuasaan undang-undang merupakan tonggak utama kepada pentadbiran sesebuah negara.	Penguatkuasaan undang-undang menjadi lemah.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, pelaksanaan undang-undang tidak dapat dijalankan secara adil akibat berlakunya rasuah.	Misalnya, undang-undang tidak dapat dilaksanakan dengan adil kerana rasuah.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, imej negara akan terjejas serta berkemungkinan besar akan menumbangkan ekonomi negara.	Kesannya, imej negara terjejas.
Ayat Penegasan (P)	Tegasnya, tanpa integriti, system pentadbiran negara akan terjejas.	Tegasnya, pentadbiran negara akan terjejas.

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 2)



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas
dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

Taksiran Kumpulan

[30 Markah]

Tema : Sains, teknologi dan inovasi

Kemajuan sains dan teknologi amat penting dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Ulaskan.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

Contoh Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON PERTAMA

Idea 1 : Memudahkan komunikasi antara masyarakat

Teknik	Cemerlang	Lemah
Pengenalan tajuk perbincangan	Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Tajuk perbincangan kumpulan kami pada hari ini ialah kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.	Tajuk kami pada hari ini ialah kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan.
Ayat Topik (To)	Pada pendapat saya, sains dan teknologi akan memudahkan komunikasi antara masyarakat yang tinggal berjauhan.	Sains dan teknologi akan memudahkan komunikasi antara manusia.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi moden hari ini semakin pesat berkembang terutama dalam sistem perhubungan.	Manusia akan dapat berkomunikasi walaupun tinggal berjauhan.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, masyarakat hari ini dapat menghubungi sanak saudara dan kenalan yang tinggal di luar negara melalui telefon seperti panggilan video.	Contohnya, kita menggunakan telefon bimbit untuk menghubungi keluarga yang berada di luar negara.
Ayat Kesan (Ke)	Impaknya, maklumat atau keputusan yang ingin dicapai dalam sesuatu perkara dapat diputuskan dengan mudah dan cepat tanpa perlu mengeluarkan kos perbelanjaan yang tinggi bagi perjalanan yang jauh.	Kesannya, hal ini dapat merapatkan hubungan antara keluarga.
Ayat Penegasan (P)	Tegasnya, sains dan teknologi amat membantu dalam memudahkan komunikasi antara satu sama lain serta menjadikan setiap urusan dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.	Tegasnya, sains dan teknologi membantu dalam memudahkan komunikasi.

Contoh Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEDUA

Idea 2 : Membantu dalam industri kesihatan		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Pada pendapat saya pula, sains dan teknologi amat membantu dalam industri kesihatan melalui penciptaan dan penggunaan peralatan yang canggih dan terkini.	Pada pendapat saya, dapat membantu dalam perkembangan industri kesihatan dan perubatan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana melalui teknologi akan tercipta pelbagai mesin moden serta ubat-ubatan yang amat membantu dalam merawat pesakit serta dapat mengurangkan kadar kematian akibat penyakit kronik.	Pelbagai mesin dan ubat dicipta untuk merawat pesakit dan menyembuhkan ramai orang.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, pembedahan robotik yang mampu meminimumkan kehilangan darah, mengurangkan masa pemulihan dan membolehkan ketepatan prosedur pembedahan.	Contohnya, peralatan canggih dan moden untuk pembedahan.
Ayat Kesan (Ke)	Implikasinya, kemajuan teknologi dalam kesihatan dapat meningkatkan jangka hayat seseorang apabila berjaya diubati dan secara tidak langsung menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.	Lebih banyak nyawa dapat diselamatkan.
Ayat Penegasan (P)	Pendek kata, kemajuan sains dan teknologi mampu meningkatkan tahap kesihatan dan mengurangkan risiko kematian akibat penyakit berbahaya.	Pendek kata, kemajuan sains dan teknologi mampu meningkatkan tahap kesihatan.

Contoh Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KETIGA

Idea 3 : Meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan agrikultur		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Di samping itu, sains dan teknologi juga akan dapat meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan agrikultur.	Di samping itu, dapat meningkatkan hasil pertanian.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai alatan yang berteknologi tinggi mampu membantu para petani yang mengusahakan tanaman. Teknologi juga membantu dalam penghasilan biji benih dan baja yang berkualiti.	Hasil pertanian meningkat dengan menggunakan peralatan moden.
Ayat Contoh (Co)	Umpamanya teknologi dalam peralatan pertanian seperti jentolak, jengkaut, mesin pengutip buah dan lain-lain.	Contohnya, jentolak dan mesin siram pokok automatik.
Ayat Kesan (Ke)	Sehubungan dengan itu, hasil pertanian dan agrikultur dapat ditingkatkan untuk memenuhi permintaan negara. Hal ini juga dapat mengurangkan import makanan daripada negara luar.	Hasil pertanian lebih banyak.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa kemajuan dalam sains dan teknologi mampu meningkatkan hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan para petani.	Tegasnya, kemajuan dalam sains dan teknologi mampu meningkatkan hasil pertanian.

Contoh Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEEMPAT

Idea 4 : Meningkatkan prestasi akademik dalam bidang pendidikan		
Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Seterusnya, sains dan teknologi juga dapat meningkatkan prestasi akademik dalam bidang pendidikan.	Seterusnya, sains dan teknologi dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sains dan teknologi akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan dapat menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran.	Teknologi memudahkan guru untuk mengajar di dalam kelas.
Ayat Contoh (Co)	Contohnya, penggunaan 'LCD', 'Smart TV', 'smart board' dan lain-lain .	Contohnya, guru menggunakan LCD, komputer, speaker dan lain-lain.
Ayat Kesan (Ke)	Situasi ini menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Sehubungan dengan itu, murid dapat memahami isi pelajaran dengan baik dan meningkatkan pencapaian akademik.	Murid akan berjaya dalam peperiksaan.
Ayat Penegasan (P)	Dengan berbuat demikian, pemahaman murid-murid terhadap isi pelajaran lebih berkesan apabila menggunakan teknologi dalam proses pembelajaran.	Tegasnya, sains dan teknologi mampu meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 1 : Berlaku peningkatan jenayah siber (Kesan negatif)

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Pada pendapat saya, kesan kemajuan sains dan teknologi akan menyebabkan berlakunya peningkatan jenayah siber.	Saya berpendapat bahawa jenayah siber akan makin meningkat.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana semua maklumat sangat mudah diakses oleh sesiapa sahaja kerana semua aplikasi menggunakan talian Internet.	Hal ini kerana segala maklumat sangat mudah untuk diperolehi kerana menggunakan talian Internet.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, penggunaan laman sosial seperti <i>Facebook</i> memudahkan orang lain untuk mengakses maklumat peribadi jika pemilik tidak mengambil langkah berjaga-jaga dalam penggunaannya.	Contohnya, penjenayah akan mudah mengakses maklumat melalui <i>Facebook</i> .
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, penjenayah siber dengan mudah mengeluarkan sejumlah wang dari akaun pemilik tanpa disedari oleh pemilik hanya menggunakan laman <i>Facebook</i> .	Kesannya maklumat akan mudah dicuri.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa kemajuan sains dan teknologi terutama dalam capaian internet akan menyebabkan jenayah siber makin berleluasa.	Jelaslah bahawa kemajuan sains dan teknologi menyebabkan jenayah siber.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 2 : Mengurangkan peluang pekerjaan (kesan negatif)

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Saya bersetuju dengan pendapat saudara/i. Kemajuan sains dan teknologi juga akan mengurangkan peluang pekerjaan.	Saya berpendapat kemajuan akan mengurangkan peluang pekerjaan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana kemajuan sains dan teknologi membolehkan banyak mesin berteknologi dicipta untuk menggantikan tenaga manusia dalam melakukan sesuatu perkara.	Hal ini demikian kerana mesin-mesin yang dicipta mengambil alih tugas manusia sebagai pekerja.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, penciptaan mesin memproses serta pembungkusan makanan. Penggunaan mesin ini akan mengurangkan tenaga buruh manusia yang digantikan dengan penggunaan mesin sepenuhnya.	Contohnya, ciptaan mesin pembungkus menyebabkan pekerja tidak lagi diperlukan untuk membungkus.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, peluang pekerjaan dalam sektor industri makin berkurangan dengan wujudnya penciptaan mesin berteknologi tinggi.	Akibatnya, manusia hilang peluang untuk bekerja.
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa penciptaan mesin berteknologi akan mengurangkan keperluan kepada buruh.	Jelaslah bahawa penggunaan mesin mengurangkan peluang pekerjaan.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 3 : Kurang pergaulan (kesan negatif)

	Punca Manfaat	Peranan Ciri	Kesan Sumbangan	Langkah Kekangan	Persediaan Jenis
Teknik	Cemerlang			Lemah	
Ayat Topik (To)	Pada pendapat saya pula, selain memberi impak yang positif dalam pelbagai sektor, kemajuan sains dan teknologi juga memberi implikasi negatif terutama dari segi pergaulan dalam kalangan masyarakat.			Pada pendapat saya kemajuan sains dan teknologi juga memberi kesan negatif iaitu kurang pergaulan dalam kalangan masyarakat.	
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dapat dibuktikan apabila wujud peranti canggih seperti telefon pintar yang mempengaruhi keseluruhan gaya hidup masyarakat moden hari ini apabila mereka lebih banyak menghabiskan masa dengan menggunakan telefon pintar masing-masing.			Hal ini demikian kerana masyarakat lebih suka menggunakan telefon bimbit daripada berbual-bual secara bersemuka.	
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, kita dapat melihat situasi ini apabila sesebuah keluarga atau sekumpulan anak muda keluar makan bersama-sama. Mereka lebih menumpukan perhatian kepada telefon bimbit masing-masing.			Contohnya, semasa makan bersama keluarga, mereka lebih menumpukan perhatian kepada telefon bimbit masing-masing.	
Ayat Kesan (Ke)	Natiujahnya, semakin kurang masyarakat bertegur sapa dan berbual-bual mesra kerana berasa janggal apabila orang sekeliling hanya memandang pada skrin telefon bimbit sahaja. Keadaan ini boleh menyebabkan hubungan semakin renggang apabila kita semakin kurang berkomunikasi antara satu sama lain.			Kesannya, masyarakat hari ini kurang berbual-bual dengan ahli keluarga dan jiran-jiran.	
Ayat Penegasan (P)	Tegaslah bahawa kemajuan teknologi terutama dalam penghasilan gajet-gajet pintar merencatkan pergaulan dalam kalangan masyarakat hari ini.			Tegaslah bahawa kemajuan teknologi menyebabkan masyarakat hari ini kurang bergaul.	

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 2)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 4 : Menjejaskan kesihatan (kesan negatif)

Punca Manfaat	Peranan Ciri	Kesan Sumbangan	Langkah Kekangan	Persediaan Jenis
Teknik	Cemerlang		Lemah	
Ayat Topik (To)	Saya ingin menambah, kesan buruk lain kemajuan sains dan teknologi dalam kehidupan masyarakat hari ini ialah menjejaskan kesihatan manusia.		Saya ingin memberi pendapat saya. kemajuan sains dan teknologi menjejaskan kesihatan manusia.	
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat hari ini sering disajikan dengan pelbagai jenis makanan proses yang mudah disediakan. Namun, kita tidak sedar bahawa penggunaan bahan kimia dalam pemprosesan makanan boleh menyebabkan penyakit.		Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat makan makanan yang mengandungi bahan kimia.	
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, makanan segera seperti sosej, daging burger, mi segera, sos dan pelbagai jenis makanan segera lain mengandungi bahan pengawet yang berbahaya kepada kesihatan manusia. Kandungan bahan pengawet seperti asid benzoik ini berisiko mengganggu sistem saraf jika digunakan dalam kuantiti yang banyak.		Contohnya, sosej, burger dan mi segera yang mengandungi bahan pengawet.	
Ayat Kesan (Ke)	Akibatnya, kesihatan manusia dipertaruh apabila kemajuan sains dan teknologi disalah guna dalam industri makanan.		Kesannya, masyarakat akan mudah mendapat penyakit.	
Ayat Penegasan (P)	Jelaslah bahawa, kemajuan sains dan teknologi dalam makanan turut membawa kesan buruk sekiranya pengguna salah memilih pola pemakanan mereka.		Jelaslah bahawa kemajuan sains dan teknologi dalam menjejaskan kesihatan manusia.	

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 3)



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas
dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

Taksiran Kumpulan

[30 Markah]

Tema : Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Teknologi hijau atau **teknologi alam sekitar** membawa pelbagai
impak kepada kehidupan manusia kontemporari.
Bincangkan.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

Contoh Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON PERTAMA

Idea 1 : Mengurangkan pencemaran alam sekitar (Impak positif)

Teknik	Cemerlang	Lemah
Pengenalan tajuk perbincangan	Tajuk perbincangan kumpulan kami pada hari ini ialah implikasi teknologi hijau kepada kehidupan manusia kontemporari.	Tajuk perbincangan kami ialah teknologi hijau membawa pelbagai impak kepada kehidupan manusia.
Ayat Topik (To)	Saya amat bersetuju dengan tajuk perbincangan ini kerana teknologi hijau membawa implikasi positif yakni mengurangkan pencemaran alam sekitar.	Teknologi hijau dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana kita menggunakan sumber alternatif untuk menggantikan bahan bakar fosil yang menyumbang kepada pencemaran udara di samping menimbulkan kesan rumah hijau.	Hal ini demikian kerana kita menggunakan sumber yang baharu untuk menggantikan bahan bakar yang menyebabkan pencemaran.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan tenaga angin mampu mengurangkan kebergantungan bahan bakar fosil.	Contoh teknologi hijau ialah tenaga solar dan tenaga angin.
Ayat Kesan (Ke)	Implikasinya, penggunaan sumber mesra alam dapat mengurangkan penghasilan gas-gas rumah hijau seperti karbon dioksida, karbon monoksida dan nitrogen dioksida.	Kesannya, teknologi hijau mesra alam dan mengurangkan gas karbon dioksida dan karbon monoksida.
Ayat Penegasan (P)	Sudah terang lagi bersuluh bahawa penggunaan teknologi hijau dapat memastikan kelestarian ekosistem bumi dengan mengurangkan pencemaran alam sekitar..	Tegasnya, teknologi hijau dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Contoh Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEDUA

Idea 2 : Memastikan kelestarian ekosistem bumi. (Impak positif)

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Selain itu, teknologi hijau memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian ekosistem bumi.	Teknologi hijau dapat memastikan ekosistem bumi terjaga.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana penggunaan teknologi hijau mampu mengurangkan kemusnahan alam semula jadi yang disebabkan oleh keghairahan manusia mengeksploitasikan alam sekitar.	Hal ini demikian kerana teknologi hijau mampu mengurangkan kemusnahan alam sekitar.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, teknologi hijau seperti pertanian lestari yang memelihara biodiversiti ekosistem manakala teknologi kitar semula dan pendigitalan dokumen mahupun sijil mampu mengurangkan kemusnahan alam sekitar.	Contoh teknologi hijau seperti teknologi kitar semula dapat mengurangkan kemusnahan alam sekitar.
Ayat Kesan (Ke)	Impaknya, hutan yang terpelihara dapat berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan dan menjadi peparu hijau bumi serta syurga kepada hidupan liar.	Kesannya, hutan dapat dipelihara dan menjadi syurga kepada hidupan liar.
Ayat Penegasan (P)	Bulan semakin terang, bayang kian jelas bahawa teknologi hijau mampu memastikan kelestarian ekosistem bumi sekali gus mencapai keseimbangan alam yang harmoni.	Tegasnya, teknologi hijau dapat memastikan ekosistem bumi terpelihara.

Contoh Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KETIGA

Idea 3 : Memastikan sumber tenaga asli kekal untuk generasi akan datang (Impak positif)

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Pada hemat saya, teknologi hijau membawa seribu satu kemaslahatan termasuklah memastikan sumber tenaga asli kekal untuk generasi akan datang.	Teknologi hijau dapat memastikan generasi yang akan datang juga dapat menggunakan sumber tenaga asli.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini disebabkan oleh kepesatan pembangunan perindustrian mahupun automobil telah menyebabkan sumber tenaga asli seperti petroleum serta gas semakin berkurangan.	Hal ini demikian kerana teknologi hijau mampu mengurangkan penggunaan sumber tenaga asli.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti tenaga hidroelektrik, tenaga suria dan tenaga angin dapat meringankan krisis kehausan sumber tenaga asli.	Contoh teknologi hijau seperti tenaga angin dapat digunakan untuk menggantikan fungsi sumber tenaga asli.
Ayat Kesan (Ke)	Impaknya, penggunaan sumber alternatif teknologi hijau dapat menjimatkan sumber tenaga asli persis peribahasa ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.	Kesannya, sumber tenaga asli dapat diijamatkan untuk kegunaan generasi akan datang.
Ayat Penegasan (P)	Izharnya, teknologi hijau dapat mengurangkan kebergantungan kita pada sumber tenaga asli yang terhad di samping menjamin sumber tenaga asli dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang.	Tegasnya, penggunaan teknologi hijau mampu memastikan sumber tenaga asli boleh kekal digunakan oleh generasi yang akan datang.

Contoh Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN (PUSINGAN PERTAMA)

CALON KEEMPAT

Idea 4 : mengurangkan risiko masalah kesihatan (Impak positif)

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Jika kita meninjau dari prespektif yang berbeza, teknologi hijau mampu mengurangkan risiko masalah kesihatan manusia.	Teknologi hijau dapat mengurangkan risiko masalah kesihatan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan sedemikian kerana tenaga hijau berkonsepkan mesra alam mampu mengurangkan pembebasan bahan kimia yang berbahaya ke alam sekitar sekali gus mengurangkan pendedahan manusia kepada bahan kimia yang bertoksik ini.	Hal ini demikian kerana teknologi hijau mampu mengurangkan pembebasan bahan kimia yang berbahaya.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, penggunaan bahan api konvensional di kilang membebaskan banyak gas yang berbahaya seperti karbon monoksida dan sulfur dioksida akan memudaratkan kesihatan penduduk di sekitarnya.	Contohnya kilang membebaskan asap yang berbahaya akan menjejaskan kesihatan penduduk di sekitarnya.
Ayat Kesan (Ke)	Impaknya, penduduk di sekitarnya berisiko tinggi untuk mendapat pelbagai jenis penyakit kronik seperti strok, kanser peparu dan penyakit jantung yang boleh membawa maut.	Kesannya, penduduk di sekitarnya akan mudah mendapat penyakit.
Ayat Penegasan (P)	Memang tidak dapat disangkal bahawa teknologi hijau merupakan satu-satunya 'penawar paling mujarab' untuk menangani krisis kesihatan ini dan mengurangkan risiko masalah kesihatan manusia sejagat.	Tegasnya, penggunaan teknologi hijau mampu mengurangkan risiko masalah kesihatan manusia.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 1 : Kos operasi yang rendah (impak positif)

Punca Manfaat	Peranan Ciri	Kesan Sumbangan	Langkah Kekangan	Persediaan Jenis
------------------	-----------------	--------------------	---------------------	---------------------

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Di samping itu, kemaslahatan kelima teknologi hijau ialah kos operasinya secara relatif lebih rendah berbanding dengan kemudahan kuasa konvensional yang menggunakan bahan api fosil.	Kebajikan seterusnya ialah kos operasi teknologi hijau adalah rendah.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini membawa konotasi bahawa prasarana tenaga hijau walaupun mahal untuk dibina, tetapi pengendalian dan pengoperasian selepas itu tidak akan menelan perbelanjaan yang besar.	Hal ini demikian kerana kos teknologi hijau tidak mahal.
Ayat Contoh (Co)	Sebagai contoh, panel solar boleh memberikan kuasa selama 25 hingga 30 tahun manakala turbin air boleh beroperasi 20 hingga 25 tahun tanpa perlu menukar komponen atau membuat pembaikan.	Contohnya panel solar boleh digunakan dalam jangka masa yang lama.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, para pengguna yang rasional akan memilih penggunaan teknologi hijau ini kerana harganya lebih murah dan boleh digunakan dalam jangka masa yang panjang.	Kesannya, teknologi hijau boleh dikatakan lebih murah dan boleh diguna lama.
Ayat Penegasan (P)	Sudah terang lagi bersuluh bahawa kos operasi teknologi hijau lebih rendah berbanding dengan kemudahan kuasa konvensional.	Tegasnya, teknologi hijau dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Koleksi Soalan dan Jawapan

2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 2 : mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan ekonomi tempatan (Impak positif)

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Bukan itu sahaja, sektor teknologi hijau mampu menawarkan pelbagai peluang pekerjaan yang dapat memangkinkan pembangunan ekonomi tempatan.	Di samping itu, sektor teknologi hijau mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan ekonomi tempatan.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan sedemikian kerana teknologi yang baharu ini menawarkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor, daripada pembuatan dan pemasangan kepada penyelenggaraan dan operasi.	Hal ini demikian kerana industri hijau memerlukan pekerja daripada pembuatan hingga pengoperasian.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilannya, projek teknologi hijau menawarkan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja mahir mahupun separa mahir seperti jurutera, juruteknik dan pekerja pembinaan.	Contoh peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah seperti jurutera dan juruteknik.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, guna tenaga yang tinggi dalam sektor teknologi hijau mampu melonjakkan ekonomi tempatan di samping menjadi faktor penarik pelabur dalam atau luar negara untuk melabur di Malaysia.	Kesannya, rakyat mendapat pekerjaan dan pelabur asing juga berminat untuk melabur.
Ayat Penegasan (P)	Tuntasnya, industri teknologi hijau amat berpotensi untuk menawarkan banyak peluang pekerjaan dan sekali gus membangunkan iktisad tempatan.	Tegasnya, teknologi hijau dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan ekonomi tempatan.

Koleksi Soalan dan Jawapan 2.0 Taksiran Kumpulan

C

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 3 : peranan kerajaan dalam membudayakan penggunaan teknologi hijau

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Untuk membudayakan penggunaan teknologi hijau, pihak kerajaan memainkan peranan yang amat signifikan.	Pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam membudayakan penggunaan teknologi hijau.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini dikatakan sedemikian kerana kerajaan bertanggungjawab mengambil inisiatif dan prakarsa untuk menyedarkan rakyat Malaysia tentang kepentingan teknologi hijau di samping memperkenalkan teknologi hijau kerana tak kenal maka tak cinta.	Hal ini demikian kerana kerajaan bertanggungjawab menyedarkan rakyat Malaysia tentang kepentingan teknologi hijau.
Ayat Contoh (Co)	Misalnya, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen kesedaran, karnival teknologi hijau dan tayangan video yang bertemakan teknologi hijau agar dapat membuka mata dan minda rakyat Malaysia tentang kepentingan membudayakan penggunaan teknologi hijau.	Contohnya, kerajaan boleh mengadakan kempen kesedaran bertemakan teknologi hijau.
Ayat Kesan (Ke)	Kesannya, lahirlah golongan celik teknologi hijau yang berkomited untuk mengaplikasikan teknologi hijau dalam kehidupan harian.	Kesannya, rakyat yang berilmu pengetahuan dapat menggunakan teknologi hijau dalam kehidupan mereka.
Ayat Penegasan (P)	Memang tidak dapat dipertikaikan bahawa kerajaan memikul tanggungjawab yang penting dalam usaha membudayakan penggunaan teknologi hijau.	Tegasnya, kerajaan bertanggungjawab membudayakan penggunaan teknologi hijau.

2.2 Contoh soalan dan Jawapan (Set 3)



CADANGAN PERBINCANGAN BERDASARKAN TEMA (PUSINGAN KEDUA)

CALON 1/2/3/4

Idea 4 : peranan sekolah dalam membudayakan penggunaan teknologi hijau

Punca	Peranan	Kesan	Langkah	Persediaan
Manfaat	Ciri	Sumbangan	Kekangan	Jenis

Teknik	Cemerlang	Lemah
Ayat Topik (To)	Selain itu, pihak sekolah merupakan institusi pendidikan yang berperanan penting untuk membudayakan penggunaan teknologi hijau.	Pihak sekolah berperanan penting dalam membudayakan penggunaan teknologi hijau.
Ayat Huraian (Hu)	Hal ini demikian kerana sekolah merupakan tempat para murid membentuk personaliti dan mendalami ilmu demi masa depan yang lebih selesa.	Hal ini demikian kerana sekolah merupakan tempat para murid menimba ilmu.
Ayat Contoh (Co)	Tamsilnya, pihak sekolah boleh menganjurkan pameran teknologi hijau atau pertandingan inovasi teknologi hijau untuk memberi peluang kepada para murid untuk berjinak-jinak dengan teknologi hijau di samping mencungkil bakat yang terpendam.	Contohnya, kerajaan boleh menganjurkan pameran teknologi hijau.
Ayat Kesan (Ke)	Dengan penganjurkan aktiviti serampang dua mata sebegini, sekolah dapat menyemai dan menyuburkan minat para murid dalam bidang teknologi hijau.	Kesannya, para murid berminat dalam bidang teknologi hijau.
Ayat Penegasan (P)	Hakikatnya, sekolah berperanan penting dalam usaha membudayakan penggunaan teknologi hijau dalam kalangan murid yang masih setahun jagung.	Tegasnya, sekolah bertanggungjawab membudayakan penggunaan teknologi hijau.

2.3 LATIHAN: Pentaksiran Individu



SK: 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan
SP: 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1 [40 Markah]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

Cara menggunakan kad kredit dengan bijak

Membuat pembayaran penuh bagi mengelak dikenakan caj faedah.

Elak menggunakan kad kredit jika tidak boleh membuat bayaran bulanan.

Hadkan bilangan kad kredit mengikut keperluan dan keupayaan membayar.

Jangan menggunakan kad kredit untuk mendapatkan pendahuluan tunai.

Bayar sebelum tarikh akhir yang ditetapkan untuk mengelakkan caj penalti.

Tip berbelanja dan mengurus kewangan

- Setiap kali terima gaji bulanan, pastikan anda mengasingkan sejumlah wang sekurang-kurangnya 10 peratus untuk dijadikan simpanan.
- Utamakan keperluan berbanding kehendak diri. Jelaskan segala komitmen bulanan seperti kereta, rumah dan bil bulanan sebelum berhasrat untuk berbelanja ke arah memenuhi kehendak diri.
- Belanja mengikut kemampuan dengan elak berhutang untuk barangan bukan keperluan, kecuali bagi membeli barangan yang tidak mampu dibayar secara tunai seperti kereta dan rumah.
- Bebas daripada hutang jahat seperti kad kredit, pinjaman peribadi dan seumpamanya. Impak terikat dengan hutang sebegini hanya mengakibatkan anda menanggung beban hutang yang mempunyai kadar faedah tinggi.
- Wujudkan akaun simpanan yang tidak menggunakan kad ATM supaya mengelak anda mengeluarkan wang sesuka hati. Sebagai contoh, simpanan di Amanah Saham Bumiputera (ASB).
- Pastikan anda mempunyai pelan insurans yang mampu melindungi diri dan keluarga secara komprehensif.

Kad kredit didefinisikan sebagai alat pembayaran secara elektronik yang membolehkan seseorang individu membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai. Pemilikan kad kredit semakin mudah telah mengakibatkan ramai orang memohon dan menggunakan kad kredit tanpa memikirkan kesannya kepada diri dan juga negara. Kad kredit tidak memerlukan pengguna membawa wang yang banyak untuk membeli belah dan had penggunaan kad tersebut adalah tinggi serta boleh menjelaskan hutang secara ansuran. Penggunaan kad kredit begitu fleksibel kerana dapat digunakan pada bila-bila masa sahaja. Namun begitu, kegagalan membuat bayaran bulanan dan perbelanjaan yang tidak berhemat akan menyebabkan masalah kewangan.

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Individu



SOALAN

1. Apakah maksud kad kredit?
2. Nyatakan tiga cara untuk menggunakan kad kredit dengan bijak?
3. Pada pendapat anda, apakah kesan buruk tentang penggunaan kad kredit?
Berikan pendapat anda.
4. Sekiranya anda diberi peluang untuk memiliki kad kredit, apakah yang perlu anda lakukan?
Berikan pendapat anda.

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Kumpulan



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 Markah]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Penggunaan kad kredit dalam kehidupan seharian banyak memberikan manfaat kepada masyarakat.

Bincangkan.

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Individu



SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

TEMA : PELANCONGAN TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PELANCONGAN GASTRONOMI



Pelancongan gastronomi merupakan suatu seni dalam makan dan minum melalui pelbagai sumber dan ada kaitan dengan cabang-cabang ilmu yang lain seperti sejarah, kesusasteraan, muzik, falsafah, psikologi, perubatan dan geologi. Pelancongan gastronomi atau pelancongan makanan ini boleh didefinisikan sebagai suatu perjalanan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi bertujuan untuk mengalami sendiri budaya tempatan di tempat itu. Secara keseluruhannya, ia adalah jenis pelancongan yang menghubungkan perjalanan, percutian serta makanan dan memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh para pelancong. Makanan yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan berpotensi besar untuk meningkatkan pengalaman para pengunjung di kawasan berkenaan. Makanan dalam aspek pelancongan ini berfungsi dalam menghubungkan pengunjung dengan budaya dan warisan destinasi berkenaan serta menjadi sebahagian daripada pengalaman pelancongan itu sendiri.

(Sumber : <https://www.thepatriots.asia>)

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Individu



1. Nyatakan maksud pelancongan gastronomi.
2. Apakah tujuan pelancongan yang berfokus untuk menjelajah dan menikmati makanan serta minuman khas di sesebuah destinasi?
3. Nyatakan beberapa jenis makanan tradisi yang anda tahu.
4. Pada pendapat anda, apakah usaha untuk memajukan pelancongan gastronomi?

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Kumpulan



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 Markah]

TEMA : PELANCONGAN

Sektor pelancongan mendatangkan banyak kebaikan kepada rakyat dan negara.

Ulaskan.

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Individu



SK : 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan

SP : 2.3.4 Membaca dan mendapatkan penyelesaian masalah secara rasional

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU

[40 Markah]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAAN DAN ESTETIKA

TUMBUK KALANG



Tumbuk kalang merupakan permainan muzik asli yang diilhamkan daripada kegiatan menumbuk padi dan dikategorikan sebagai permainan rakyat di Negeri Sembilan. Irama dan bunyi yang terhasil adalah daripada tumbukan manja beberapa batang antan ke sebuah lesung kayu. Tumbuk kalang asalnya dimainkan oleh masyarakat kampung zaman dahulu setelah seharian berpenat lelah menuai dan membanting padi. Pada sebelah malamnya, mereka akan berkumpul untuk membuat emping. Bunyi antan yang bertingkah-tingkah semasa menumbuk emping itu menghasilkan irama yang menghiburkan. Sambil menumbuk padi itu, mereka akan menyanyikan lagu-lagu mengikut bunyi tumbukan antan. Antara lagu yang biasa dinyanyikan termasuklah lagu *Tumbuk Emping*, *Kuda Berontak*, *Patah Lambung*, *Tebing Gurut* dan *Kambing Berlaga*.

(Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5)

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Individu



1. Tumbuk kalang merupakan permainan rakyat dari negeri mana?
2. Apakah tajuk lagu yang sering dinyanyikan ketika menumbuk padi?
3. Remaja pada hari ini kurang berminat dengan permainan rakyat.
Berikan pendapat anda.
4. Semua pihak berperanan penting dalam memastikan permainan rakyat ini terus kekal relevan. Ulaskan.

2.3 LATIHAN : Pentaksiran Kumpulan



SK: 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara

SP: 1.7.1 Berbincang dengan mengemukakan idea yang bernas dan rasional

tentang sesuatu perkara yang bertatasusila

BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN

[30 Markah]

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Aspek kesenian dan kebudayaan dalam sesebuah negara mampu memberikan manfaat kepada masyarakat.

Bincangkan.

3.0 KESALAHAN UMUM SEMASA UJIAN BERTUTUR

C

3.1 TATABAHASA



Kesalahan Imbuhan

Pada **pendapatan** saya, masa itu emas. ❌

Pada **pendapat** saya, masa itu emas. ✓

Kesalahan Tatabahasa

Amalan membaca harus dipupuk **di kalangan** masyarakat. ❌

Amalan membaca harus dipupuk **dalam kalangan** masyarakat. ✓

Kesalahan Struktur Ayat


Mereka akan melancong **ke** Pulau Redang atau Pulau Langkawi? ❌

Mereka akan melancong **ke** Pulau Redang atau **ke** Pulau Langkawi? ✓

3.2. PENGGUNAAN BAHASA



BAHASA INGGERIS



So I think, sekolah perlu menyediakan tong sampah di setiap kelas.



Pada pendapat saya, setiap sekolah perlu menyediakan tong sampah di setiap kelas



BAHASA PASAR

Wa tak tau apa yang lu cakap.



Saya tidak faham soalan yang cikgu tanya.



BAHASA SLANGA



Saya boleh kautim budak itu, cikgu.



Saya boleh pujuk budak itu, cikgu





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

e ISBN 978-629-98224-4-8



9 786299 822448

PENERBIT:
SEKTOR PEMBELAJARAN,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK,
JALAN TAWAS BARU UTARA,
TASEK DAMAI,
30010 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Del / ver